

USIM lancar klinik rawatan pergigian



DR. MUHAMAD Muda (kanan) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim Md. Noor menyaksikan teknik rawatan pergigian yang ditunjukkan oleh salah seorang penuntut Fakulti Pergigian USIM pada Majlis Pelancaran Klinik Fakulti Pergigian USIM di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

SEREMBAN 2 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif melancarkan klinik rawatan pergigian miliknya yang beroperasi di Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Pandan Indah, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Klinik Fakulti Pergigian USIM yang dilengkapi peralatan berteknologi tinggi terkini itu menawarkan pelbagai rawatan pergigian kepada orang ramai pada kadar bayaran berpatutan.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, kewujudan klinik itu turut menjadi platform ke arah memberi pendedahan terhadap penuntut tahun tiga, empat dan lima fakulti berkenaan menimba pengalaman.

"Mereka turut didedahkan terhadap proses memberi rawatan kepada orang awam di bawah seliaan dan pemantauan rapi pensyarah klinikal.

"Malah, klinik ini juga merupakan ruang kondusif bagi pensyarah

mengamalkan kepakaran yang mereka miliki," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Klinik yang beroperasi di tingkat 16 dan 17 Menara MPAJ itu turut menawarkan rawatan kepakaran termasuk pembedahan bedah mulut dan maksilofasial, ortodontik, periodontik, pergigian ka-

nak-kanak dan pemulihan.

Jelas Muhamad, lebih membanggakan, rekod turut menyaksikan peningkatan jumlah pelanggan sejak klinik tersebut memulakan operasinya pada 2009.

"Bilangan pelanggan mendapatkan rawatan di sini meningkat, malah pada tahun lalu sahaja seramai 6,234 orang direkodkan mendapatkan perkhidmatan di klinik ini.

"Fakulti juga telah memperolehi akreditasi penuh dalam tempoh tiga tahun daripada badan profesional," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menambah, pihaknya juga kini sedang merancang membuka klinik pergigian kedua di Bandar Baru Nilai, dekat sini.

